

Soalan No:59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 12.3.2018 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :

- (a) jumlah bilangan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang sedang menerima pendidikan sekolah setakat ini dan adakah pendidikan yang diterima berbeza dengan kanak-kanak berwarganegara; dan
- (b) sama ada hanya kanak-kanak yang sedang menunggu kelulusan kerakyatan boleh menerima pendidikan sekolah dan adakah dalam hal ini Kementerian mematuhi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bahawa semua kanak-kanak tanpa mengira status kerakyatan wajib menerima pendidikan.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memberikan komitmen antarabangsa dalam pemerkasaan hak kanak-kanak dengan menandatangani Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child* atau CRC) pada tahun 2007, namun mempunyai reservasi terhadap beberapa Artikel termasuk Artikel 28(1)(a) yang mengkehendaki Negara Pihak untuk memberikan

155

pendidikan rendah secara percuma kepada semua kanak-kanak tanpa mengira status kewarganegaraan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan proses penerimaan masuk murid bukan warganegara ke sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan tertakluk kepada Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 seperti yang berikut;

1. anak kakitangan kedutaan asing;
2. anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara, yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi Kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah;
3. anak yang ibu bapanya adalah pemastautin tetap Malaysia; atau
4. kanak-kanak yang dipilih oleh Kerajaan kanak-kanak itu untuk melanjutkan pelajarannya di Malaysia menurut mana-mana Memorandum Persefahaman atau Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan kanak-kanak itu;
5. penerimaan masuk murid bukan warganegara juga adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan seperti memiliki pas pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, membayar fi yang ditetapkan oleh KPM dan mengemukakan borang permohonan.

Bilangan murid bukan warganegara yang berdaftar di sekolah KPM seperti pada 31 Januari 2018 adalah seramai 28,938 orang. Kanak-kanak yang sedang menunggu status kelulusan kerakyatan/warganegara boleh diterima masuk ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan sekiranya permohonan mereka memenuhi syarat

yang dinyatakan dalam Surat Siaran KPM Bil. 3/2018: Permohonan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara bertarikh 15 Januari 2018. Bagi kanak-kanak yang tidak memenuhi syarat tersebut mereka boleh mengikuti pendidikan di sekolah swasta, sekolah persendirian, pusat pembelajaran alternatif atau pusat pembelajaran komuniti.

RJM22